



EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA**

**TINDAKAN EAIC TERHADAP ADUAN YANG DITERIMA  
BERKAITAN SALAH LAKU POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**

15 Jun 2015 - Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) ambil maklum terhadap saranan kenyataan Persatuan Promosi Hak Asasi Manusia (PROHAM) pada 6 Jun 2015 berkaitan pendedahan kepada umum berkenaan aduan-aduan terhadap PDRM yang telah diterima oleh EAIC dan tindakan-tindakan yang telah diambil.

Merujuk kepada Seksyen 23 (4) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700), semua aduan salah laku yang diterima oleh EAIC dinilai oleh Jawatankuasa Aduan (JKA) untuk dipertimbangkan samada aduan tersebut termasuk di dalam ruang lingkup salah laku yang boleh disiasat oleh EAIC seperti yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta tersebut. Bagi tujuan tersebut penyiasatan awal di bawah seksyen 25 Akta 700 dijalankan bagi maksud mendapatkan maklumat lanjut supaya dapat menentukan jenis salah laku yang diadukan dan samada EAIC patut meneruskan suatu penyiasatan sepenuhnya mengenai aduan itu.

Setelah penyiasatan awal selesai JKA akan menilai dan melaporkan dapatannya dengan syor di bawah seksyen 26 (1), 26(2), 26(3) dan 26(4) Akta 700 samada aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) jika didapati aduan menzahirkan kesalahan tatatertib yang mana ianya lebih baik diuruskan oleh PBT, merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika aduan itu menzahirkan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, memulakan penyiasatan penuh jika aduan menzahirkan kesalahan di bawah seksyen 24 Akta 700 dan menolak aduan tersebut jika kelakuan yang diadu tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta 700, bersifat remeh, menyusahkan dan tidak dibuat dengan suci hati, hal perkara aduan itu kecil, salah laku itu telah terlalu lama berlaku, suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu telah dibuat

dan hal perkara dalam aduan telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara prosiding yang belum selesai.

Setelah menimbang dan bersetuju dengan syor JKA, Suruhanjaya boleh merujuk aduan tersebut kepada PBT, SPRM, PBT & SPRM, memulakan penyiasatan penuh atau menolak aduan tersebut seperti mana peruntukan di bawah seksyen 27 (1), 27 (2), 27(3), 27 (4) dan 27(5) Akta 700.

Di peringkat penyiasatan awal, penyiasatan dijalankan untuk menilai aduan, manakala di peringkat penyiasatan penuh, siasatan yang terperinci dijalankan bagi mengenalpasti kesalahan salah laku dan individu yang terlibat.

Hasil siasatan penuh dengan syor akan dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya seperti mana peruntukan seksyen 30 (1) Akta 700 sama ada aduan tidak dapat disahkan, salah laku merupakan suatu kesalahan tatatertib dan mengesyorkan dirujuk kepada PBT bersama syor hukuman atau aduan merupakan kesalahan jenayah dan mengesyorkan dirujuk kepada Pendakwa Raya.

Mengikut statistik, EAIC telah menerima aduan sebanyak 1073 mulai tahun 2011 hingga 2015 (Mei) yang mana 794 aduan adalah terhadap PDRM. Semua aduan telah dibuat penyiasatan awal dan daripada penyiasatan awal Suruhanjaya memutuskan 406 aduan ditolak, 8 aduan dirujuk kepada SPRM, 24 aduan di rujuk kepada PBT, 26 aduan dirujuk kepada PBT & SPRM, 117 aduan diteruskan penyiasatan awal dan 213 aduan dimulakan penyiasatan penuh.

Sebanyak 213 aduan yang dimulakan penyiasatan penuh ialah aduan yang didapati menzahirkan kesalahan salah laku di bawah seksyen 24 Akta 700 dan telah diputuskan oleh Suruhanjaya bahawa aduan-aduan tersebut adalah berasas. Ini menunjukkan bahawa semua aduan yang diterima oleh EAIC telah disiasat.

...TAMAT...

***"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"***

Saya yang menurut perintah,



**KAMAL BAHARIN BIN OMAR**

Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

15 Jun 2015